

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Chawangan Naik Pangkat dan Tatatertib  
Bangunan Penerangan  
Jalan Mountbatten  
Kuala Lumpur.

10 hb. September, 1970.

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18/70**

Tuan,

**Chara2 mengemukakan chadangan pemangkuan dan  
kenaikan pangkat bagi pertimbangan Lembaga  
Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam**

Ada-lah saya di-arahkan memaalumkan bahawa di-masa2 ke-belakangan ini perakuan2 bagi pemangkuan atau kenaikan pangkat sa-orang pegawai ka-Tingkatan-tertinggi 'J' (Tingkatan-tertinggi 'M' bagi pegawai2 perempuan) dan ka-atas sering kali di-kemukakan dengan kurang sempurna dan ini telah menyebabkan kelewatan dalam pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan terhadap terakuan2 itu. Di samping itu adalah juga di-perhatikan bahawa ada Ketua2 Jabatan yang telah membenarkan pegawai2 di-bawah mereka memangku jawatan yang lebih tinggi tanpa terlebih dahulu memperolehi persetujuan serta kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

2. Untuk memperbaiki keadaan ini, Ketua2 Jabatan ada-lah di-kehendaki menentukan bahawa semua perakuan2 pemangkuan dan kenaikan pangkat di-hantar dengan lengkap dan sempurna supaya dapat dipertimbangkan dengan seberapa segera-nya. Adalah di-tegaskan bahawa kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan hendak-lah di-perolehi terlebih dahulu sevelum Ketua2 Jabatan mengambil sebarang tindakan membenarkan sasaorang pegawai memangku dalam jawatan yang lebih tinggi. Perakuan2 yang dikemukakan selepas tarikh sa-saorang pegawai itu di-arah memangku tanpa persetujuan Lembaga mungkin tidak akan di-layan oleh Lembaga. Su ggoh pun

begitu, dalam keadaan2 yang mendesak dan tidak dapat di-ramalkan seperti di-mana sa-suatu jawatan itu telah menjadi kosong berikutan dengan kematian penyandang-nya atau di-mana penyandang-nya itu telah bercuti sakit, Ketua Jabatan boleh-lah mengarahkan pegawai yang terkanan sekali di-tempat berlakunya kekosongan itu, memangku jawatan itu sechara sementara di-samping menjalankan tugas2-nya sendiri. Perakuan mengenai pemangkuan itu hendak-lah di-kemukakan kepada Lembaga Kenaikan Pangkat dengan seberapa segera-nya. Sekira-nya kekosongan itu akan berpanjangan (iaitu lebeh dari 3 bulan) perakuan bagi pemangkuan sechara tetap hendak-lah juga di-kemukakan kepada Lembaga. Sebarang penempatan sechara pertukaran sa-saorang pegawai dari pejabat lain hanya boleh di-buat selepas mendapat persetujuan Lembaga.

3. Sayugia di-tegaskan bahawa bagi chadangan pemangkuan yang lebeh daripada 3 bulan, Laporan Sulit Khas, Laporan Sulit Tahunan yang terakhir dan Penyata Perkhidmatan pegawai yang diperaku berserta dengan Laporan Sulit Khas pegawai2 yang di-langkau hendak-lah di-sertakan. Bagi chadangan kenaikan pangkat pula, Laporan Sulit Khas, Laporan Sulit Tahunan bagi 2 tahunan yang terakhir dan Penyata2 Perkhidmatan bagi kedua2 pegawai yang di-perakui dan yang dilangkau adalah di-perlukan.

4. Perakuan2 bagi kenaikan pangkat dan pemangkuan hendak-lah di-kemukakan masing2 dalam borang seperti di-[Lampiran 'A'](#) dan ['B'](#) kepada Surat Pekeliling ini. Semua malumat2 yang dikehendaki dalam borang2 itu hendaklah di-chatitkan dengan seberapa jelas yang boleh. Borang pemangkuan di-[Lampiran 'B'](#) hendak-lah juga di-gunakan bagi chadangan2 pemangkuan dalam jawatan2 di - Bahagian2 I, II dan III.

5. Borang2 di-Lampiran2 kepada Surat Pekeliling ini menggantikan borang2 di-Lampiran ['A'](#) dan ['B'](#) kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1968](#) bertarikh 21 hb. Mei, 1968 dan Borang2 di-Lampiran ['B'](#), ['C'](#) dan ['D'](#) kepada surat Jabatan ini Perj. Sulit LNP/2/ AM/2 bertarikh 26hb. Oktober, 1967.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Kementerian2.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Salinan: Y.B. Setia Usaha2 Kerajaan Negeri (Malaysia Barat).

**BORANG NAIK PANGKAT**

Kementerian / Jabatan .....

1. Pegawai yang di-perakukan : (Chontoh)
- (a) Nama : (i) Enche C.D.
  - (b) Tingkatan / Gaji pokok : (i) Tingkatan Biasa - \$982 / - sabulan
  - (c) Jawatan sekarang : (i) J.K.R., Kuala Kubu Bharu,
  - (d) Pejabat sekarang : (i) Ulu Selangor
- (ii) Enche G.H.
  - (ii) Tingkatan Biasa - \$832 / - sabulan
  - (ii) Jurutera Kerja,
  - (ii) J.K.R., Kuala Kangsar, Perak.
2. Jawatan Kosong :
- (a) Nama dan Tingkatan jawatan : (a) 2 jawatan Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kerja Raya, Tingkatan tertinggi 'H'.
  - (b) Tarikh dan sebab2 kekosongan (jika jawatan baru, nyatakan bilangan Waran Perjawatan / Anggaran Perbelanjaan dan beri tarikh mula di-pangku):
    - (b) (i) 1 jawatan baru di-ujudkan mulai daripada 1.1.1969 (Waran Perjawatan Bil. X / 69). Jawatan ini mulai di-pangku oleh Enche M.N. pada 1.3.1969.
    - (ii) Persaraan Enche P.Q. yang telah berchuti sabelum bersara pada 1.6.1969.
  - (c) Di-pejabat mana : (c) Jawatan yang kosong sekarang ia-lah :
    - (i) di-Temerloh;
    - (ii) di-Ibu Pejabat J.K.R. Selangor.
3. Tarikh kenaikan pangkat di-shorkan dan sebab-nya:
- (i) 1.3.1969 ia-itu tarikh jawatan mula di-pangku;
  - (ii) 1.6.1969 ia-itu tarikh jawatan menjadi kosong.
4. (a) Ada-kah kenaikan ini akan melibat langkau - melangkau / (jika ada beri nama serta tingkatan pegawai yang di - langkau mengikut susunan dalam Buku Senarai Pegawai2 dan juga beri alamat mereka sekarang):
- (a) Perakuan ini akan melangkau :
    - (i) Enche A.M., Jurutera Kerja, Tingkatan Biasa J.K.R., Kuantan.
    - (ii) Enche B.K. Jurutera kerja, Tingkatan Biasa - J.K.R., Muar.

- (b) Beri sebab langkau-melangkau berlaku / sebab tidak berlaku :  
(Sertakan Laporan Sulit Khas pegawai2 yang di-langkau).
- (b) Saperti dalam Laporan Sulit Khas Enche A.M. dan Enche B.K. yang di-lampirkan (di-tulis sechara bebas, tidak di-dalam borang laporan sulit tahunan). (Laporan2 Sulit Khas pegawai2 yang di-langkau di-sertakan).
5. Laporan Sulit Khas pegawai diperakukan :
- Laporan Sulit Khas Enche C.D. dan Enche G.H. di-lampirkan (di-tulis sechara bebas, tidak menggunakan borang sulit tahunan).
6. Salinan Penyata Perkhidmatan pegawai2 yang di-perakukan dan yang di-langkau :
- Satu salinan Penyata Perkhidmatan bagi pegawai2 yang di-perakukan dan pegawai2 yang di-langkau oleh mereka.
7. Laporan Sulit Tahunan bagi 2 tahun yang terakhir pegawai2 yang di-perakukan
- Laporan Sulit Tahunan bagi tahun 1968 dan 1969 telah di-hantar kepada J.P.A. pada 16. 3. 70 mengikut surat bil: ABC/123.
8. Lain2 perkara :
- Mithal-nya apa2 tindakan tata-tertib yang sedang di-ambil.

Tarikh: 8.8.1970

.....  
t.t Ketua Setia Usaha,  
Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom.

**BORANGPEMANGKUAN**

Kementerian/Jabatan .....

1. Jawatan yang hendak di-pangku : (Chontoh)  
Nama, tingkatan dan tempat-nya : Pegawai Pelajaran Kanan, (Perengkat 'B' )  
Tingkatan - tertinggi 'H'. Guru Besar, High School, Klang.
2. Tarikh kekosongan serta sebab2 -  
nya: (jika jawatan baru, nyata -  
kan bilangan Waran Perjawatan /  
Anggaran Perbelanjaan). Penyangdang jawatan itu Enche X Y akan  
keluar negeri menghadiri kursus pelajaran di -  
Paris selama 4 bulan mulai daripada  
4.9.1970.
3. PERAKUAN :  
Nama Pegawai : Enche M.N.  
Jawatan dan gaji pokok : Pegawai Pelajaran Tingkatan Biasa (Gaji  
pokok: \$832/- sabulan)  
  
Tempat bertugas sekarang : Di-Sekolah yang sama, sebagai Guru  
Penolong Kanan.
4. (a) Tempoh Pemangkuhan : Selama lebeh kurang 4 bulan mulai 4.9.1970  
(beri tarikh mula dan sahingga Enche X Y balek bertugas.  
akhir):  
  
(b) Jika salama 3 bulan atau lebeh,  
sertakan :  
  - (i) Laporan Sulit Khas; (i) dan (ii) di-sertakan.  
(di-tulis sechara bebas)
  - (ii) Penyata Perkhidmatan yang kemaskini; (iii) telah di-hantar ka - J.P.A. pada  
(Bagi pegawai2 1 sahaja). 15.3.1970 mengikut surat Bil: ABC/123.
  - (iii) Laporan Sulit Tahunan yang terakhir;
5. Pemangkuhan dengan / tidak dengan  
tujuan di-naikkan pangkat : Tidak dengan tujuan di-naikkan pangkat.
6. Ada-kah kedua2 jawatan ber-  
kenaan dalam satu Sekim  
Perkhidmatan yang sama? Ya
7. Adakah pegawai di-perakukan  
ini layak (eligible) bagi di-naikkan  
pangkat ka-jawatan yang kosong  
itu mengikut Sekim Perkhidmatan - nya? Layak
8. Ada-kah pemangkuhan ini di-  
samping menjalankan tugas  
sendiri? Jika ia, sila nyata Di-samping menjalankan tugas2 sendiri.

kan sama ada kedua2 jawatan itu berasingan dan berlainan tugas :

- (i) Dalam Jabatan / Bahagian lain2 :
  - (ii) Dalam Jabatan / Bahagian yang sama, tetapi tidak ada hubungan taraf tinggi - rendah : Saperti di - (8)(iii)
  - (iii) Dalam Jabatan ? Bahagian yang sama, dan ada hubungan taraf tinggi-rendah;
9. (a) Ada-kah pegawai di-perakukan MELANGKAU sa-siapa?
- (i) Di-Jabatan yang sama :
    - (i) Di-sekolah tersebut tidak berlaku langkau - melangkau.
    - (ii) Beliau melangkau Enche A, Pegawai Pelajaran, Tingkatan Biasa yang berkhidmat di-Sekolah Menengah, Kajang.
  - (ii) Dalam perkhidmatan keseluruhannya :  
(jika ada sila beri nama pegawai dan jawatan serta tingkatan).
- (b) Beri sebab langkau - melangkau berlaku atau tidak berlaku :  
(sertakan Laporan Sulit Khas pegawai yang di-langkau jika lebih daripada 3 bulan - bagi pegawai2 Bahagian 1 sahaja).
- Perakuan ada-lah yang terkanan di Sekolah itu dan oleh sebab pemangkuan ini untuk sementara sahaja tidak bijak di-tempatkan pegawai daripada tempat lain. Laporan Sulit Khas Enche A di sertakan.

Tarikh: 8.8.1970

t.t.....

Ketua Setia Usaha,  
Kementerian Pelajaran.